

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

Hartal Doktor Kontrak gesa semak elaun 'on call'

Imbuan setimpal mampu kekalkan khidmat pakar perubatan hospital kerajaan

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan digesa segera menyemak semula kadar elaun tugas atas panggilan atau *on call* yang tidak disemak lebih sedekad bagi mengekalkan kemampuan sistem penjagaan kesihatan negara.

Kumpulan Hartal Doktor Kontrak berkata, meskipun ada penyesaran gaji untuk kakitangan awam yang diumumkan Sabtu lalu, terdapat keperluan mendesak menyemak semula elaun atas panggilan untuk doktor.

Katanya, kadar elaun berkenaan tidak disemak lebih sedekad dengan kali terakhir disemak pada 2012, tidak lagi mencukupi memandangkan peningkatan tanggungjawab dan tekanan inflasi yang dihadapi profesional perubatan.

"Isu ini mesti ditangani dengan segera bagi mengelak penghijrahan doktor ke sektor swasta yang berupaya menjejaskan sistem penjagaan kesihatan awam.

"Pada masa sama, perbelanjaan penjagaan kesihatan mesti dilihat sebagai pelaburan masa hadapan negara.

"Justeru, kami amat mengesakan kerajaan mengutamakan isu ini, di samping pelarasan gaji baru-baru ini bagi memastikan pekerja penjagaan kesihatan diberi



Beban tugas dan tekanan inflasi dihadapi profesional perubatan perlu diberi perhatian. (Foto hiasan)

imbuan sewajarnya atas usaha gigih mereka dan sistem penjagaan kesihatan awam kekal teguh serta mampu menampung keperluan rakyat," katanya dalam kenyataan semalam.

Jumaat lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan pelarasan gaji penjawat awam sebanyak 15 peratus kepada kumpulan pelaksana.

Ia menyaksikan kira-kira 1.6 juta penjawat awam mendapat pelarasan gaji baharu selepas kali terakhir disemak pada 2013.

Hartal Doktor Kontrak berkata, pelaburan terhadap sektor penjagaan kesihatan penting kerana untuk melatih profesional penjagaan kesihatan memerlukan masa bertahun-tahun bagi memahirkan mereka dengan tugas dilakukan.

"Kebiasaannya dalam melatih profesional kesihatan membabitkan situasi 'hidup dan mati', memerlukan tahap akauntabiliti

dan dedikasi yang tinggi.

"Imbuan setimpal, termasuk semakan elaun atas panggilan, penting untuk mengekalkan profesional mahir dalam sistem penjagaan kesihatan awam dan mencegah penghijrahan cendekawan (*brain drain*) yang boleh menyebabkan sektor awam terjejas," katanya.

Kumpulan Hartal Doktor Kontrak berbesar hati apabila Menteri Kesihatan mengakui kadar atas panggilan semasa yang tidak mencukupi dan memulakan proses semakan semula.

Hargai kenaikan gaji

Dalam pada itu, kumpulan menzahirkan penghargaan kepada kerajaan susulan peningkatan gaji selepas penantian 12 tahun.

"Pelarasan yang ditunggu 12 tahun ini adalah yang pertama, dilihat campur tangan tepat pada masanya dan amat diperlukan memandangkan peningkatan kos

sara hidup dan inflasi yang memberi kesan ketara kepada pekerja sektor awam termasuk kakitangan penjagaan kesihatan.

"Pelaksanaan kenaikan gaji secara berperingkat menunjukkan pendekatan bijak Perdana Menteri dalam menguruskan kestabilan ekonomi, di samping menangani keperluan mendesak perkhidmatan awam.

"Kenaikan gaji ini sudah pasti meningkatkan semangat pekerja penjagaan kesihatan yang tetap melaksanakan tugas dengan berdedikasi dalam keadaan yang mencabar.

"Kami komited meneruskan khidmat sepenuh tenaga dan dengan berdedikasi," katanya.

Katanya, Hartal Doktor Kontrak berterima kasih kepada Perdana Menteri dan kerajaan atas komitmen meningkatkan kebajikan penjawat awam dan berharap melihat kemajuan berterusan dalam bidang kritikal itu.

Syor suruhanjaya khas urus kebajikan profesional kesihatan

Kuala Lumpur: Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) mencadangkan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan yang berasingan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi mengurus penggajian dan kebajikan profesional kesihatan dalam perkhidmatan awam dengan berkesan.

Presiden MMA, Dr Azizan Abdul Aziz, dalam kenyataan semalam berkata, reformasi diperlukan untuk memastikan sistem kesihatan yang mampan dan berkualiti tinggi.

Katanya, suruhanjaya sepa-

tutnya mempunyai kuasa untuk mengawal selia penempatan, skala gaji dan syarat kerja profesional kesihatan, memastikan bahawa imbuan dan faedah mereka adalah kompetitif dengan pasaran.

"Semakan bebas yang berkala akan membantu mengekalkan sistem yang adil dan saksama yang menarik dan mengekalkan bakat terbaik dalam bi-



Dr Azizan Abdul Aziz

dang kesihatan.

"Dengan melaksanakan reformasi ini, kerajaan dapat memperkukuhkan lagi sistem kesihatan negara dan menyediakan penjagaan terbaik untuk rakyatnya," katanya.

Dalam pada itu, katanya MMA mengalu-alukan kenaikan gaji penjawat awam baru-baru ini, termasuk kenaikan gaji yang lama dinantikan bagi profesional kesihatan yang

berkhidmat dalam sistem kesihatan awam.

"Pelarasan ini adalah langkah penting untuk mengiktiraf sumbangan tidak ternilai doktor dan pekerja kesihatan yang berdedikasi.

"Walaupun kenaikan gaji ini adalah perkembangan positif, masih banyak kerja yang perlu dilakukan untuk sistem kesihatan kita," katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika berucap pada Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Kali Ke-19 (MAPPA XIX)

2024 baru-baru ini mengumumkan, pelarasan gaji sebanyak 15 peratus kepada pegawai Kumpulan Pelaksana, dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

Anwar yang juga Menteri Kewangan turut mengumumkan pelarasan gaji sebanyak tujuh peratus kepada pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi (KPT), dengan pelaksanaan pemberian pelarasan gaji itu akan dilakukan secara berfasa iaitu pada 1 Disember 2024 bagi Fasa 1 dan 1 Januari 2025 untuk Fasa 2.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NEGARA



'Itu kes peluru tabur, bukan Mpox'

PETALING JAYA – Satu imej tular pada aplikasi WhatsApp kononnya berkait kes jangkitan Mpox atau cacar monyet, sebenarnya adalah kecederaan berikutan peluru tabur yang berlaku di luar negara pada 2022. Perkara itu disahkan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) menerusi hantaran pada Facebook berhubung imej tular tersebut.

"Pihak KKM telah mengesan laporan berita tidak benar yang tular di aplikasi WhatsApp mengenai dakwaan Mpox kini merebak di Singapura.

"Imej yang ditularkan bukan imej kes Mpox, tetapi merupakan imej mangsa kecederaan peluru tabur dalam artikel berita daripada satu laman sesawang luar negara pada 17 September 2022," tulis KKM.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 33
RUANGAN : DUNIA

duniakosmo@mediamulia.com.my



Mpox bukan seperti Covid-19

GENEVA, SWITZERLAND — Pakar Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menegaskan bahawa mpox tidak boleh dianggap sebagai 'Covid-19 yang baharu', lapor Perbadanan Penyiaran British (BBC) kelmarin.

Hal itu kerana pihak berkuasa mengetahui cara untuk mengawal penyebaran wabak yang dahulunya dikenali sebagai cacar

monyet itu.

Pengarah Wilayah Eropah WHO, Dr. Hans Kluge berkata, tindakan tegas seperti memastikan vaksin mpox sampai di kawasan yang paling memerlukan, boleh menghentikan satu lagi gelombang panik berhubung wabak tersebut.

Ujar beliau, pakar-pakar perubatan kini tahu cara untuk me-

ngawal mpox tanpa mengira varian, melalui tindakan kesihatan awam tanpa diskriminasi serta akses saksama kepada vaksin.

Virus itu yang menyebabkan demam dan ruam, boleh disebarkan melalui sentuhan kulit ke kulit dengan luka, termasuk semasa melakukan hubungan seks.

"Adakah kita akan mengenakan perintah berkurung di rantau Eropah? Adakah ia satu lagi Covid-19? Jawapannya sudah pasti tidak.

"Dua tahun lalu, kita berjaya mengawal mpox di Eropah.

Dunia!

GAMBAR fail menunjukkan tangan pesakit yang dijangkiti mpox. — AFP

“

Pakar-pakar perubatan kini tahu cara untuk mengawal mpox tanpa mengira varian.”

DR. HANS KLUGE

tan mpox menular, lapor agensi berita Anadolu.

Ia tidak mengesyorkan vaksinasi secara besar-besaran dengan alasan bahawa menghentikan penyebaran penyakit itu adalah lebih mudah.

"Kami tidak mengesyorkan vaksinasi besar-besaran. Ia hanya memerlukan vaksinasi yang disasarkan di tempat virus itu menular," kata jurucakap WHO, Margaret Harris kepada Anadolu dalam satu temu bual eksklusif.

Menyadari bahawa penyebaran pantas virus itu telah menarik perhatian global, beliau berkata, virus mpox mempunyai dua jenis genetik iaitu Clade 1 dan Clade 2.

Harris bagaimanapun menyatakan kebimbangan terhadap strain baharu virus itu, Clade 1b yang muncul tahun lepas serta telah membunuh 450 orang di Republik Demokratik Congo (DRC).

"Kami bimbang kerana ia merebak dengan sangat pantas. Ia juga mempunyai kadar kematian yang agak tinggi, terutamanya dalam kalangan kanak-kanak," katanya.

Tambah Harris, walaupun bilangan kes mpox meningkat di timur DRC, ia kemudian merebak ke Burundi, Rwanda, Uganda dan Kenya.

"Kami melihat kadar kematian yang lebih tinggi. Ia adalah sekitar tiga peratus dan dalam kumpulan yang sangat terdedah seperti kanak-kanak kecil," katanya.

Harris selain itu turut menjelaskan bahawa perintah berkurung seperti yang dilaksanakan ketika pandemik Covid-19, tidak perlu dilakukan untuk mengawal wabak mpox.

"Covid-19 kebanyakannya merebak a melalui udara, sebaliknya mpox menular melalui hubungan fizikal yang sangat rapat.

"Bagaimanapun, kita tidak mahu ia merebak ke seluruh dunia dan menjadi pandemik kerana sekali lagi, ia akan memberi tekanan kepada sistem kesihatan," tegasnya. — AGENSI



DUA pekerja mengemas wad untuk pesakit mpox di sebuah hospital di Peshawar, Pakistan kelmarin. — AFP



PEKERJA kesihatan mendidik orang ramai tentang mpox di Goma, DRC pada 16 Ogos lalu. — AFP

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NASIONAL

Mpox tidak mudah merebak

Kemungkinan wabak bermutasi lebih ganas kecil

Oleh NURUL HUDA HUSAIN
SHAH ALAM

Kemungkinan wabak mpox atau cacar monyet bermutasi menjadi lebih ganas di negara ini sangat kecil memandangkan sifat virus itu hanya boleh menular melalui sentuhan fizikal termasuk aktiviti seksual.

Pakar Virologi Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr Zamberi Sekawi berkata, ia berbeza dengan Covid-19 yang lebih mudah tersebar melalui titisan cecair yang terhasil daripada percikan air liur ketika bercakap atau batuk.

"Secara umumnya wabak cacar monyet ini boleh membawa maut dengan kadar kematian

antara tiga hingga lima peratus tetapi ia tidak mudah merebak seperti Covid-19.

"Jangkitan wabak ini biasanya menular melalui sentuhan atau hubungan seksual. Jadi, kemungkinan ia bermutasi menjadi ganas adalah sangat kecil," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai kemungkinan wabak yang semakin meningkat di Afrika ketika ini berupaya bermutasi lebih ganas seperti jangkitan Covid-19 yang melanda dunia termasuk Malaysia beberapa tahun lalu.

Ia susulan tindakan pihak tertentu yang berkongsi serta menyebarkan mengenai wabak berkenaan di media sosial

hingga menimbulkan kebingungan dalam kalangan orang ramai.

Kementerian Kesihatan sebelum ini dilaporkan bersiap sedia melalui pengukuhan aktiviti pengawasan dan advokasi berkaitan mpox termasuk meningkatkan pemantauan di



Mpox boleh membawa maut dengan kadar kematian antara tiga hingga lima peratus.

semua pintu masuk antara-bangsa.

Ini susulan pengisytiharan Pertubuhan Kesihatan Sedunia bahawa mpox sebagai Kecemasan Kesihatan Awam yang Menjadi Kepentingan Antarabangsa (Kecemasan Kesihatan Awam dengan Kebimbangan Antarabangsa-PHEIC) untuk kali kedua pada 14 Ogos lepas.

Setakat Selasa, Republik Demokratik Congo (DRC) me-

rekodkan lebih 570 kematian akibat jangkitan wabak tersebut.

Ditanya mengenai langkah pencegahan yang wajar diambil bagi mengekang penularan wabak tersebut Dr Zamberi berkata, semua pihak perlu elakkan diri daripada melakukan sebarang aktiviti berisiko.

Beliau dalam masa sama turut menggalakkan pengambilan vaksin sebagai langkah mengelak daripada dijangkiti wabak yang boleh membawa maut itu.

KES MPOX DI NEGARA ASEAN

NEGARA	JUMLAH
Thailand	827
Vietnam	202 (8 maut)
Indonesia	88
Kemboja	17
Singapura	12
Filipina	10
Malaysia	9
Laos	1
Brunei	0
Timor-Leste	0

*Kes di rakodkan dari 2022 hingga Ogos 2024



ZAMBERI

Rujuk dahulu kenyataan rasmi KKM untuk sahkan berita tular berkaitan mpox

PUTRAJAYA - Orang ramai diminta merujuk kenyataan rasmi Kementerian atau agensi berkaitan untuk mengesahkan sebarang berita tular, termasuk mengenai kes jangkitan mpox atau cacar monyet, kata Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil.

Merujuk kepada imej tular mengenai dakwaan mpox kini merebak di Singapura, jurucakap Kerajaan Perpaduan itu berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) telah mengesahkan bahawa perkara itu tidak benar.

"Sekiranya ada isu tular boleh rujuk dengan kementerian berkaitan termasuk isu mpox, boleh rujuk dengan KKM jika kita terima maklumat daripada sumber yang tidak boleh disahkan atau kalau kita terima maklumat, jadi kita perlu lakukan sedikit pengesanan," katanya dalam sidang media di sini pada Rabu selepas mesyuarat Jemaah Menteri yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof.

KKM menerusi laman rasmi Facebook semalam tampil menjelaskan imej yang ditularkan bukan imej kes mpox sebaliknya merupakan imej mangsa kecederaan peluru tabur seperti yang disiarkan dalam artikel berita daripada satu laman sesawang luar negara pada 17 September 2022.

Pada 15 Ogos lepas, KKM telah mengesahkan tiada kes baharu mpox dilaporkan dalam negara setakat ini meskipun berlaku peningkatan kes penyakit tersebut di rantau Afrika baru-baru ini.

KKM memaklumkan di Malaysia, jumlah keseluruhan mpox yang disahkan setakat ini ialah sembilan kes dengan kes pertama dilaporkan pada 26 Julai 2023 dan yang terakhir pada November 2023. - *Bernama*

Risiko mpox ulangi fenomena pandemik Covid-19 rendah

SHAH ALAM - Potensi mpox atau cacar monyet untuk mengulangi fenomena pandemik Covid-19 adalah rendah kerana penyakit tular itu tidak mudah merebak antara manusia dengan kadar jangkitannya lebih sedikit berbanding Covid-19 atau campak.

Pakar Kesihatan Awam dan Epidemiologi Penyakit Berjangkit, Pusat Pengajian Sains Perubatan, Universiti Sains Malaysia, Profesor Madya Dr Wan Mohd Zahiruddin Wan Mohammad berkata, walaupun risiko mpox menjadi pandemik adalah rendah, orang ramai masih perlu berhati-hati terhadap kemungkinan jangkitan.

"Biarpun telah ada kes mpox dilaporkan di Malaysia, jumlahnya masih kecil dan bukan berstatus penularan tempatan. Orang ramai dinasihatkan supaya sentiasa berwaspada tetapi tidak perlu panik atau terlalu bimbang.

"Kita perlu yakin Kementerian Kesihatan telah bersedia dalam kesapsiagaan menghadapi pandemik mpox ini berbekalkan pengalaman menangani pandemik Covid-19.

"Ini termasuk penyediaan prosedur operasi standard (SOP), fasiliti dan sumber manusia dalam aspek pengesanan awal kes, diagnostik, pengurusan kes dan kontak serta latihan dan pendidikan kesihatan," katanya kepada *Sinar Premium*.

Tambahnya, pakar-pakar kesihatan awam dan epidemiologi berpendapat mpox merebak melalui kontak rapat yang berpanjangan serta tidak mudah



DR WAN MOHD ZAHIRUDDIN



DR ZAINAL

menular dalam persekitaran sosial yang biasa, kecuali jika mereka mempunyai sejarah kontak langsung dengan pesakit dijangkiti virus mpox.

"Selepas seseorang itu terdedah kepada virus mpox, individu berkenaan mungkin mengambil masa selama enam ke 13 hari (dalam julat lima ke 21 hari) sebelum fasa gejala penyakit mula kelihatan (tempoh inkubasi).

"Fasa bergejala boleh dibahagikan kepada dua iaitu fasa pertama selama lima hari pertama dengan gejala jangkitan virus yang tidak spesifik seperti demam, sakit kepala, belakang, otot dan kelesuan serta bengkak kelenjar limfa.

"Pada fasa kedua pula selepas satu ke tiga hari demam, muncul gejala ruam pada tangan, kaki, dada, muka atau mulut atau berhampiran alat kelamin.

"Ruam ini akan melalui beberapa peringkat yang pada mulanya boleh kelihatan seperti jerawat atau lepuh (berair) dan berakhir dengan kудis sebelum sembuh.

Tempoh bergejala bagi jangkitan mpox ialah selama dua hingga empat minggu," katanya.

Sementara itu Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Dr Zainal Ariffin Omar berkata, tanda-tanda klinikal mpox termasuk demam seperti demam selesema, ruam di badan, serta lepuh yang mirip dengan cacar ayam.

"Sekiranya mengalami simptom-simptom ini, adalah penting untuk segera berjumpa dengan doktor dan mengasingkan untuk mengelakkan penyebaran penyakit kepada orang lain," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : NASIONAL

HDK gesa kerajaan semak elaun on-call

SHAH ALAM - Kerajaan digesa supaya segera menyemak elaun tugas atas panggilan atau *on-call* untuk doktor seiring dengan dengan peningkatan inflasi dan kos sara hidup yang turut ditanggung petugas kesihatan.

Kumpulan Hartal Doktor Kontrak (HDK) berkata, kali terakhir kadar elaun tersebut disemak lebih sedekad yang lalu.

"Kali terakhir ia disemak pada 2012 dan ia tidak lagi mencukupi memandangkan peningkatan tanggungan jawab dan tekanan inflasi yang dihadapi oleh profesional perubatan.

"Isu ini mesti ditangani dengan segera bagi mengelakkan penghijrahan doktor ke sektor swasta yang berupaya menjejaskan sistem penjagaan

kesihatan awam," kata kumpulan itu dalam satu kenyataan pada Selasa.

Menurutnya, kerajaan perlu melihat bahawa perbelanjaan untuk penjagaan kesihatan sebagai pelaburan masa hadapan untuk negara ini.

"Kerajaan perlu mengatakan isu ini di samping pelarasan gaji baharu ini bagi memastikan pekerja penjagaan kesihatan diberi imbuhan sewajarnya atas usaha gigih mereka dan sistem penjagaan kesihatan awam kekal teguh dan mampu menampung keperluan rakyat," ujarnya.

HDK dalam masa sama turut menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana membuat pelarasan gaji penjawat awam di negara ini.

Ujarnya, kenaikan gaji tersebut sudah pasti akan meningkatkan semangat pekerja penjagaan kesihatan untuk melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi.

"Sekali lagi kami mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri dan kerajaan atas komitmen mereka untuk meningkatkan kebajikan penjawat awam," katanya.

Anwar baru-baru ini mengumumkan pelarasan gaji penjawat awam sebanyak 15 peratus kepada kumpulan pelaksana manakala tujuh peratus kepada pengurusan tertinggi.

Katanya, pelarasan berkenaan akan dilaksanakan dalam dua fasa iaitu yang pertama bermula 1 Disember ini manakala fasa kedua bermula 1 Januari 2025.

Insurans kesihatan mental mampu tampung kos rawatan pesakit

SHAH ALAM - Pakej Insurans meliputi kesihatan mental merupakan satu langkah positif dan progresif bagi menampung kos perbelanjaan rawatan penghidap penyakit itu.

Ahli Majlis Penasihat Kesihatan Mental, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, lebih ramai pesakit akan mendapatkan rawatan yang sewajarnya apabila kerisauan berkaitan kos perbelanjaan dapat ditangani.

Menurutnya, memasukkan kesihatan mental dalam perlindungan insurans juga dapat mengurangkan stigma kerana isu itu dilihat boleh mengganggu sesiapa sahaja.

Ini kerana katanya, ada dalam kalangan pesakit yang tidak berjumpa dengan pakar disebabkan kos perbelanjaan.

"Bayaran perubatan untuk penyakit mental di pusat rawatan swasta begitu tinggi dan pesakit golongan B40 serta M40 tidak mampu kerana ada dalam kalangan mereka yang memerlukan rawatan berpanjangan.

"Walaupun kita ada khidmat pakar psikiatri yang berkualiti tinggi di hospital kerajaan, namun kekurangan pakar dan waktu menunggu yang lama menjadi cabaran besar," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.



LAM THYE

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 26
RUANGAN : NEGERI

Hospital Pantai Ayer Keroh berjaya lakukan pembedahan guna sistem robotik pertama



Dr Jin Rong menggunakan sistem Da Vinci Xi ketika mengendalikan pembedahan.

MELAKA - Hospital Pantai Ayer Keroh di sini berjaya melakukan pembedahan pertama menggunakan sistem pembedahan bantuan robotik canggih iaitu Da Vinci Xi. Kejayaan itu dicapai menerusi pembedahan prostatektomi ke atas pesakit kanser prostat, di mana pembedahan tersebut membabitkan prosedur membuang prostate gland, seminal vesicles dan lymph nodes.

Perunding Urologi yang menjalankan pembedahan berkenaan, Dr. Yang Jin Rong berkata, dengan sistem pembedahan bantuan robot Da Vinci Xi, pakar bedah dapat melakukan pembedahan dengan lebih tepat dan stabil.

"Ia termasuklah dapat mengurangkan kehilangan darah, mengurangkan kesakitan dan memberikan pemulihan yang lebih cepat kepada pesakit," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Hospital Pantai Ayer Keroh, Tan Yew Aik berkata, sistem Da Vinci Xi memberi impak besar dalam sistem kesihatan kerana ia dapat menggabungkan kepakaran pakar bedah dengan ketepatan robotik dalam pembedahan.

Katanya, sistem itu juga mempunyai



Pasukan perubatan Hospital Pantai Ayer Keroh berjaya melakukan pembedahan menggunakan sistem bantuan robotik canggih iaitu Da Vinci Xi.

kecekapan luar biasa dan mampu melangkaui batasan tangan manusia.

"Hospital Pantai Ayer Keroh adalah yang pertama di Melaka memperkenalkan sistem pembedahan bantuan robotik Da Vinci Xi yang canggih. Dengan memperkenalkan Da Vinci Xi, kami

membawa teknologi pembedahan terkini ke Melaka.

"Ini dapat membantu pesakit mendapatkan rawatan lebih baik, selain ia juga berupaya meletakkan satu aras baharu dalam kejayaan pembedahan," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : DALAM NEGERI

8

Utusan Malaysia
KHAMIS • 22 OGOS 2024

Jangkitan Mpox boleh berlaku tanpa hubungan intim

Oleh **FATIN NORIZATI MAT ISA**
norizati@mediamail.com.my

PETALING JAYA: Penyakit cacar monyet atau Mpox berisiko berlaku di negara ini kerana terdapat kes-kes yang merebak tanpa melibatkan pendedahan atau hubungan intim.

Pakar Kesihatan Komuniti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, virus ini boleh tersebar bukan sahaja melalui hubungan intim namun melalui sentuhan langsung dengan kulit atau membran mukus individu yang dijangkiti.

Katanya, virus ini boleh disebarkan melalui objek yang tercemar dengan cecair badan seperti darah, air liur, atau nanah dari lepuh yang dijangkiti.

"Sebagai contoh, perkongsian barang-barang peribadi seperti tuala, pakaian, atau peralatan makan[†] boleh menjadi punca penularan.

"Lebih membimbangkan, jang-

kitan boleh berlaku melalui penularan dari ibu hamil kepada anak dalam kandungan, yang dikenali sebagai penularan vertikal. Ini boleh membawa risiko komplikasi serius kepada bayi yang belum lahir," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Semalam, akhbar ini melaporkan Malaysia bebas jangkitan Mpox tetapi giat berhubung rapat dengan negara-negara ASEAN bagi mendapatkan informasi terkini jangkitan penyakit di negara-negara berkenaan.

Mengulas lanjut, Sharifa Ezat berkata, sukar untuk mengenal pasti individu yang berisiko tinggi kerana cara penularan virus ini agak sensitif, terutama melalui sentuhan langsung yang sering terjadi dalam konteks hubungan seksual.

"Bagi mengenal pasti mereka secara tepat adalah mencabar, kecuali jika mereka menunjukkan simptom dan tanda yang jelas. Dalam situasi sedemikian, individu yang disyaki perlu dikuarantin dan

dipantau perkembangannya di wad isolasi khas.

"Walaupun bagaimanapun, simptom awal seperti demam atau keletihan boleh menyerupai penyakit lain, menjadikan proses pengesanan lebih sukar," jelasnya.

Sementara itu, Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Datuk Dr. Zainal Ariffin Omar berkata, langkah terbaik untuk mencegah penularan Mpox adalah mengenal pasti dari mana pelawat-pelawat berasal, terutama dari negara berisiko tinggi mempunyai kes Mpox.

"Bagi individu yang berisiko tinggi untuk dijangkiti, mereka perlu diberikan pendidikan kesihatan yang mencukupi dan dinasihatkan untuk melakukan penilaian sendiri jika menunjukkan simptom jangkitan Mpox," katanya.

Tambah Zainal Ariffin, rawatan yang boleh diberi termasuk rawatan antiviral dan rawatan simptomatik bergantung kepada simptom yang dialami oleh pesakit.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : DALAM NEGERI

Sektor kesihatan perlu lebih banyak reformasi

PETALING JAYA: Kerajaan perlu melaksanakan lebih banyak reformasi dalam sektor kesihatan awam selain peningkatan gaji penjawat awam yang diumumkan baru-baru ini.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia, Dr. Azizan Abdul Aziz berkata, kenaikan gaji adalah perkembangan positif dan penting untuk mengiktiraf sumbangan tidak ternilai pekerja sistem penjagaan kesihatan.

Bagaimanapun, katanya, terdapat banyak lagi usaha yang perlu dilakukan dengan MMA percaya reformasi yang telah lama tertangguh adalah perlu untuk memastikan sistem penjagaan kesihatan yang mampan dan berkualiti tinggi.

"Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan yang berasingan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, kekal (menjadi perkara) penting untuk menguruskan kebajikan profesional penjagaan kesihatan dalam perkhidmatan awam dengan berkesan.

"Suruhanjaya ini seharusnya mempunyai kuasa untuk mengawasi penempatan, tangga gaji, dan keadaan kerja profesional sektor kesihatan, memastikan imbuhan dan faedah mereka bersaing dengan pasaran.

"Semakan bebas yang kerap akan membantu mengekalkan sistem yang adil dan saksama yang menarik dan mengekalkan bakat terbaik dalam bidang penjagaan kesihatan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Menurut Azizan, kerajaan boleh mengukuhkan lagi sistem penjagaan kesihatan negara dan menyediakan yang terbaik untuk rakyat sekiranya melaksanakan reformasi berkenaan.

Pada April lepas, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad dilaporkan memberi jaminan cadangan mengenai penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Perubatan akan dirujuk kepada Kabinet.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NATION

14 Nation

THE STAR, THURSDAY 22 AUGUST 2024

Don't gamble with long Covid, get checked!

By GERARD GIMINO
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: If you continue to experience Covid-19-like symptoms up to three weeks after the primary infection, don't take any chances but seek medical advice, say health experts.

Public health medicine specialist Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh said Covid-19 infections can cause multiple body organs to react against the virus, with the resulting inflammation possibly taking a long time to recover.

She said some inflammation may also not heal at all.

"It may also further exaggerate comorbidities. As a precaution, seek medical advice.

"Since many conditions may mimic long Covid, there is also the

need to exclude other diagnoses concurrently," she said.

Prof Dr Sharifa Ezat, however, said it can be difficult to ascertain whether a person's condition is due to long-term Covid or other causes.

"The benefit of the doubt always lies with the doctor in charge of the patient," she said.

She was asked to comment on long-term Covid, which was finally defined after health practitioners worldwide spent years in the aftermath of the pandemic uncovering its traits by studying patients afflicted by the condition.

According to a recently released Washington-based National Academies of Sciences, Engineering and Medicine (Nasem) report, long Covid is an infection-associated chronic condition that occurs after a SARS-



Medical advice: Prof Dr Sharifa Ezat and Dr Balwant (right) say severe cases of long Covid can be fatal.

CoV-2 infection.

The infection is present for at least three months, either continuously, relapses and remits, or progresses and affects one or more organ systems.

Long Covid manifests in multiple ways, Nasem said, adding that

any organ in the system could be involved.

This could include single or multiple symptoms, such as shortness of breath, cough, persistent fatigue, post-exertional malaise, difficulty concentrating, memory changes, recurring headache, lightheadedness, fast heart rate, sleep disturbance, problems with taste or smell, bloating, constipation or diarrhoea.

Single or multiple diagnosable conditions are also possible, according to the report.

Datuk Dr Balwant Singh Gendeh, a fellow at the Academy of Sciences Malaysia, advised those who continue experiencing Covid-like symptoms at least three weeks after first contracting the virus to seek medical advice.

"This is especially for those who

have underlying conditions like systemic diseases like heart issues, diabetes or are immunocompromised.

"In severe cases, there is the potential for more fatal outcomes," he said, adding that long-term Covid may possibly impair blood-clotting mechanisms as well.

To obtain an accurate diagnosis of a person's condition following recovery from the primary Covid-19 infection, Dr Balwant said general physicians will usually run several medical tests.

"Only when other factors are ruled out that long Covid can be determined by a diagnosis of exclusion," said Dr Balwant, who is the Association of Specialists in Private Medical Practice of Malaysia president.